


Headline **Eksplorasi dunia perubatan herba**
Date **07 Jan 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **L-S32**
Article Size **718 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,949**
PRValue **11,847**



Eksplorasi dunia perubatan herba

MUKADIMAH

Malaysia antara 12 negara di dunia yang mempunyai mega diversiti. Buminya kaya dengan berjuta jenis tumbuhan termasuklah tumbuhan-tumbuhan herba yang digunakan dalam amalan perubatan tradisional. Hingga ke hari ini, tumbuhan-tumbuhan herba ini masih digunakan dalam amalan perubatan tidak kira secara tradisional ataupun moden.

Rakyat negara ini seharusnya lebih peka dengan peluang dan ruang yang ada di depan mata. Peluang yang luas dalam industri herba ini perlu dimanfaatkan bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga dan juga negara, demikian Peneraju Syarikat Delto yang juga penulis buku 'Melahirkan Jutaan melalui Sektor Pertanian', Nasnan Jajuli terpanggil ke arah pembangunan industri herba di Malaysia menerusi herba Mas Cotek.

ERNEDA PASOLA

Mas Cotek

Mas Cotek atau nama saintifiknya *Ficus deltoidea* datang dari keluarga Moraceae iaitu keluarga yang sama seperti buah tin yang terbukti khasiatnya seperti yang tercatat di dalam al-Quran.

Peneraju Syarikat Delto, Nasnan Jajuli, berkata, pelbagai kajian terperinci pada Mas Cotek dilakukan dengan usahasama institusi-institusi pengajian tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), UiTM, UPM dan UIA serta agensi kerajaan seperti FRIM dan MARDI.

Katanya, kajian terperinci dilakukan pada mas cotek dan mendapati khasiat yang terdapat pada tumbuhan ini menepati sebahagian keperluan tubuh badan manusia.

"Lebih mengagumkan, terdapat spesies mas cotek yang mengandungi kandungan *apportodiciax* yang lebih tinggi berbanding si tongkat ali yang biasanya gah dengan membekalkan tenaga dan *apportodiciax*," katanya.

Selain itu, kajian yang dijalankan di UKM mendapati mas cotek juga mengandungi phytoestrogen.

Kajian daripada FRIM pula mendapati terdapat lebih dari 80 spesies mas

cotek yang terdapat di Malaysia dan tumbuhan ini juga bebas dari kandungan dadah.

R&D perlu dilakukan dan menjadikan Mas Cotek sebagai tanaman komoditi di Malaysia dan pasaran boleh dikembangkan dengan penghasilan produk bahan mentah, ekstrak dan barang siap.

ISOmedic hasil eksplorasi dunia perubatan herba

ISOmedic adalah produk terbaru daripada Mas Cotek keluaran Delto Medicama Plantation selain produk ~~ISOmedic~~ seperti teh, kapsul, minyak dan ekstrak daripada 7 jenis Mas Cotek keluaran Delto.

Ramuan tujuh spesies mas cotek yang digunakan di produk ini telah digunakan oleh Universiti Malaya dalam *Malaysian Journal of Science* melalui kajian yang bertajuk 'Blood Glucose Lowering Effect of *Ficus deltoidea* Aqueous Extract'.

Katanya, ISOmedic berasal dari dua perkataan

iaitu 'ISO' daripada perkataan isotonic dan 'medic' singkatan daripada nama syarikat, Delto Medicama.

"Kandungannya membantu membekalkan tenaga kepada tubuh badan membantu pemandu yang memandu jauh daripada keletihan dan mengantuk," katanya.

Mampu jadi identiti produk Malaysia

Pihak syarikat berkeyakinan tinggi bahawa dari hasil pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk diperkenalkan bukan sahaja di dalam negeri, malah untuk pasaran antarabangsa.

Minuman ISOmedic ini mendapat maklum balas dan respons yang cukup baik daripada pengguna yang mencuba minuman ini.

"ISOmedic mendapat permintaan pasaran yang tinggi termasuklah permintaan daripada Petronas, persatuan bekas-bekas pejarjurit dan persatuan perniagaan kecil Malaysia serta syarikat-syarikat besar untuk dipasarkan secara terus dalam bentuk penjenamaan

semula.

"Ia yang menggunakan ekstrak mas cotek yang mana produk ini mampu untuk dipasarkan bukan sahaja di dalam negeri, tetapi juga berpotensi dipasarkan di luar negara seperti baru-baru ini Brunei dan Indonesia berminat untuk memasarkan produk ini di negara mereka," katanya.

Bersama-sama 32 orang penanam mas cotek yang ditempatkan di Tanjung Karang hasil tajaan Agrobank Selangor, syarikat ini memasang strategi menanam pokok mas cotek

bagi memastikan keperluan bahan mentah mencukupi.

Nasnan terus bimbing masyarakat pertanian

Usaha lain yang dilakukan oleh Nasnan Jajuli dalam membimbing masyarakat pertanian bagi membangunkan industri asas tani Malaysia termasuklah penghasilan buku berasaskan pertanian dengan kerjasama DBP.

Buku yang ditulis berkonsepkan telus dan penyampaian ilmu secara menyeluruh supaya mudah

Headline **Eksplorasi dunia perubatan herba**
Date **07 Jan 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **L-S32**
Article Size **718 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,949**
PRValue **11,847**

difahami dan diikuti.

"Sebanyak 25 kontrak buku telah ditandatangani bersama pihak DBP di bawah Siri Usahawan Tani dan usaha-usaha menyunting sedang giat dijalankan. Selain itu juga, 10

buku akan dirasmikan pada MAHA 2010 di Serdang nanti," katanya.

Info Kandungan Bahan Isotonik Delto

Extract mas cotek 7 spesies (ficus deltoideae)

- Taurine
- Potassium phosphate
- Sodium chloride
- sorbitol
- Sodium bicarbonated
- Sukrose
- Citric asid
- Perisa
- Sodium benzoate
- Nicotinamide
- Vitamin B complex

Dapatkan berita terkini & berita edisi secara online
www.sinarharian.com.my



● Mas cotek jenis Ficus deltoideae antara yang digunakan dalam penghasilan ISOmedic.



● ISOmedic, minuman gabungan isotonik dan herba dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar (kiri) di Mini MAHA Selangor, Sungai Besar.

Headline **Eksplorasi dunia perubatan herba**
Date **07 Jan 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **L-S32**
Article Size **718 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,949**
PRValue **11,847**



● Penanaman Mas Cotek.